



**STONYHURST**  
INTERNATIONAL SCHOOL  
PENANG

## Privacy Policy

Name of Policy:	Privacy Policy
Date of Policy Revision:	March 2026
Revised by:	Director of Admissions and Marketing
Approved by:	Legal Representation of the Board of Governors
Date Approved:	April 2026
Date of Next Revision:	April 2027
By Whom:	Director of Marketing and Admissions
Location(s) where Policy can be found:	Website / Whole School Drive - Policies

Version	4.0
Last Amended	March 2026

## **Table of Contents**

1. Introduction
2. Website Terms of Use
3. Collection of Personal Data
4. Description of Personal Data
5. Purpose of Collection of Personal Data
6. Sources of Personal Data
7. Disclosure of Personal Data
8. Security of Personal Data
9. Data Retention and Removal of Data
10. Transfer of Personal Data
11. Use of Cookies
12. Obligations the Data Subject
13. Right of Access, Right to Correction and Withdrawal of Consent
14. Changes to the Privacy Policy
15. Consent
16. Inquiries and Complaints
17. Website Terms of Use
18. Use of Cookies

Version	4.0
Last Amended	March 2026

## I. Introduction

Stonyhurst International School Penang (“**School**”) collects and processes personal data of staff, pupils and families. This Privacy Policy sets out how the School handles any personal data that you give us in accordance with the Malaysian Personal Data Protection Act 2010 (“**PDPA**”), its regulations and other relevant laws and requirements in Malaysia.

In addition to consent where applicable, the School processes personal data where such processing is necessary for the provision of education and school services, the administration and operation of the School, compliance with legal and regulatory obligations, safeguarding and protection of pupils, and the legitimate educational and administrative interests of the School.

The School will take reasonable steps to secure your information and to avoid unauthorized or accidental access, collection, use, disclosure, copying, modification, disposal, erasure or other use.

## 2. Website Terms of Use

The School reserves the right to amend the Terms of Use at any given time. Please review the terms periodically.

Please note that the terms set forth are for this website only. For links to other websites, please refer to the terms & conditions and/or privacy policies at the respective websites.

Whilst the School takes great care to ensure the accuracy of the content on our website, the School assumes no legal liability for and does not warrant that the information contained on this website is accurate or complete, or that the information will be free from errors or that the website’s availability will be uninterrupted and the School hereby expressly disclaims and excludes all express and implied warranties terms or conditions not stated herein, so far as such exclusion or disclaimer is permitted under the applicable law. The School excludes all liability to any person for any loss or damage caused by any errors or omissions, whether such errors or omissions result from negligence, accident or any other cause but this disclaimer is without prejudice to any claims for fraudulent misrepresentation, personal injuries or death.

Version	4.0
Last Amended	March 2026

### 3. Collection of Personal Data

The School collects and holds personal data to be processed by the School in the course of normal operations of running the School in order to achieve the Purpose set out in this Privacy Policy.

### 4. Description of Personal Data

The School processes personal data about:

- its prospective, current and past pupils and their parents or guardian
- its staff including full time staff, contract staff, job applicants and volunteers
- its suppliers, contractors and service providers

The type of personal data the School processes include (but not limited to):

- title and name
- addresses, telephone numbers, email addresses and other contact details
- NRIC number, passport number and visa
- credit card information
- race, religion, nationality and citizenship
- medical information
- attendance information, academic or employment records
- photographs and access information or access logs, including CCTV footage
- any other information you post, email or otherwise send to us
- how you use the website and where available, your IP address, operating system and browser type

Sensitive personal data<sup>1</sup> will only be processed in accordance with applicable law and, where necessary, with the data subject's explicit consent for one or more specified purposes.

### 5. Purpose of Collection of Personal Data

The School processes relevant personal data as part of its day-to-day operations in order to provide you with the relevant services.

- To support the selection and admission of pupils and the education of the pupils
- To monitor and report on the progress of the pupils

---

<sup>1</sup> 'sensitive personal data' can be defined as personal data revealing racial or ethnic origin, political opinions, religious or philosophical beliefs, or trade union membership, and genetic data, biometric data for the purpose of uniquely identifying a natural person, data concerning health or data concerning a natural person's sex life or sexual orientation.

Version	4.0
Last Amended	March 2026

- To provide appropriate personal, medical and social care to the pupils
- To assess the performance of the School as a whole, together with any other uses normally associated with this provision in an international school environment
- To allow for operations of the School, including general administration, procurement of goods and services, catering, management of property and assets, building maintenance, campus security and health and safety
- To select, employ and for the ongoing management of staff, including temporary staff and volunteers
- To fulfil and comply with any legal, regulatory, audit or security related requirements, including under data protection legislation
- To engage with alumni for networking and marketing
- To engage in commercial activities, including marketing, insurance and managing events
- The School may use artificial intelligence (AI) systems to assist with administrative tasks, enhance security and improve educational services. Where artificial intelligence or automated systems process personal data, the School will ensure that appropriate safeguards are implemented and that any third-party providers handling such data are subject to contractual obligations regarding confidentiality and data protection
- To support safeguarding and the protection of pupils, including the processing and, where necessary, disclosure of personal data to designated safeguarding leads, regulatory authorities, law enforcement bodies and child protection agencies where required to protect the safety and wellbeing of pupils
- The School undertakes that it shall only keep the data collected as long as is necessary to for the purposes outlined above

## **6. Sources of Personal Data**

The School obtains your personal data from you directly from the following sources, including but not limited to:

- in person or over the phone
- Student Online Applications (the admissions process prior to acceptance)
- Alumni Website Sign-up
- other forms of electronic communication such as email, enquiry, application and/or registration forms
- CCTV cameras located in the School's compound
- Cookies

Version	4.0
Last Amended	March 2026

## 7. Disclosure of Personal Data

All personal data<sup>2</sup> collected will be kept confidential and for the use of the School, and its affiliates for lawful and relevant purposes.

As part of the services provided, the School may disclose your personal data to third parties, some of which are located outside Malaysia, such as agencies (including governmental bodies), service providers and contractors appointed by us to undertake some of our academic, pastoral, extra-curricular and administrative functions.

In particular, the School may:

- Make available information to any internal organization or society set up for the purpose of maintaining contact with students or for administration, fundraising, marketing or promotional purposes relating to the school, e.g. Alumni. The School will remain as the data controller and this policy will govern data usage.
- Make use of photographs, videos or sound recordings of students in school publications, the school website and other official school communication channels, including appointed recruitment agents. Other than for the purposes outlined above, photographs, videos or sound recordings of students will not be used in publicity campaigns placed with external media outlets without the express permission of the relevant family.
- Make personal data, including sensitive personal data, available to staff for planning activities and trips, both in and outside of Malaysia.
- Retain and use personal data after a student has graduated to provide references, educational history and alumni services consistent with an international school environment.

## 8. Security of Personal Data

The School undertakes to:

- (a) implement appropriate security measures to protect personal data against accidental or unlawful destruction or accidental loss, alteration, unauthorized disclosure or access, in particular when the processing of data involves the transmission or storage on or within a network, in accordance with the PDPA.

---

<sup>2</sup> 'personal data' means any information relating to an identified or identifiable natural person; an identifiable natural person is one who can be identified, directly or indirectly, in particular by reference to an identifier such as a name, an identification number, location data, an online identifier or to one or more factors specific to the physical, physiological, genetic, mental, economic, cultural or social identity of that natural person.

Version	4.0
Last Amended	March 2026

- (b) ensure that our staff do not misuse your personal data.
- (c) perform the Deed of Undertaking with our service providers, and any other relevant third parties.
- (d) notify you about any accidental or unauthorized access of your data that may lead to damage or harm.

Where personal data is shared with third-party service providers or contractors, such sharing will be limited to the specified purpose/s as stipulated in the terms of engagement and for purposes that are necessary for the provision of educational, operational, safeguarding or administrative services. All such providers are required to comply with appropriate data protection standards and contractual confidentiality obligations.

## **9. Data Retention & Removal of Data**

The School undertakes that it shall only keep the data collected as long as is necessary to for the purposes outlined above.

Personal Data will be retained for seven (7) years, or as long as you are a student or alumni.

If you are no longer a student or alumni, we will permanently delete your personal data after the retention period.

## **10. Transfer of Personal Data**

Personal data may be stored in our database systems which may be located within or outside the jurisdiction in which the data was collected. Where personal data is transferred or stored outside Malaysia, the School will take reasonable steps to ensure that appropriate safeguards are in place to protect personal data and that such processing remains consistent with applicable data protection laws and this Privacy Policy.

## **11. Use of Cookies**

The School's website uses cookies. Cookies, including optional cookies from third party service providers, may not contain any information that personally identifies a user, but personal data that the School stores about you may be linked to the information stored in and obtained from the cookies.

Version	4.0
Last Amended	March 2026

Cookies are used on this website to improve the information and experience provided to you. You may configure your browser to notify you of the reception of cookies and to prevent their installation on your computer. Blocking all cookies will have a negative impact upon the usability of many websites, and you may not be able to use all the features on our website.

Cookies may be used for the advertising, analysis, device, login time, feedback, session, security, behaviour, etc.

[For more information on cookies, please refer to <http://www.allaboutcookies.org/>]

## **12. Obligations of the Data Subject**

It is necessary for the School to collect and retain your personal data to complete the enrolment process and to facilitate any dealings with you. Therefore, it is also obligatory for you to supply personal data to the School in the most accurate manner. If you do not provide us with complete and accurate personal data the School will not be able to achieve the purpose and this will affect your dealings with the School.

## **13. Right of Access, Right to Correction and Withdrawal of Consent**

You have the right to request for access to and to correct your personal data held and processed by the School. If any of your personal data is inaccurate, incomplete or not up-to-date, you have the right to request for correction and/or update of your personal data.

You are also entitled to limit the School's processing of your personal data by withdrawing your consent by notice in writing.

You can access the majority of your personal data held by the School via the School's online Information Management System.

If you wish to:

- (i) request for access to other personal data;
- (ii) to correct or update any of your personal data; or
- (iii) withdraw your consent to the School's processing of your personal data.

Please contact the Data Protection Officer at [pdpa@stonyhurstpenang.edu.my](mailto:pdpa@stonyhurstpenang.edu.my) with the details of the data that you would like to access and your reasons.

Version	4.0
Last Amended	March 2026

#### **14. Right of Data Portability**

You have the right to request that the School transmits your personal data, or that of your child, to another data controller of your choice. This right is subject to the technical feasibility and computability of data formats. Requests for data portability will be processed in accordance with the requirements of Malaysia's PDPA and may be subject to verification and applicable fees. The School will ensure that any transfer of personal data is carried out securely and in compliance with legal obligations.

#### **15. Changes to Privacy Policy**

This Privacy Policy may be amended from time to time. We advise that you visit our website on a regular basis to view this Privacy Policy.

#### **16. Consent**

By submitting your personal data on our website, you give consent to the processing<sup>3</sup> of your personal data as stipulated in the Terms of Use and Privacy Policy of the website.

For children below the age of eighteen (18) years, please note that the consent of the parent or legal guardian is required for the processing of personal data.

You shall have the right to withdraw your consent at any time.

#### **17. Inquiries and Complaints**

In the event of any queries or feedback in relation to data protection, please contact the School's Data Protection Officer.

##### **Data Protection Officer**

Email: [pdpa@stonyhurstpenang.edu.my](mailto:pdpa@stonyhurstpenang.edu.my)

Telephone: +604-287 9800

Address: 3, Jalan Seri Tg Pinang, Bandar Tanjung Pinang  
10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang, Malaysia

---

<sup>3</sup> 'processing' means any operation or set of operations which is performed on personal data or on sets of personal data, whether or not by automated means, such as collection, recording, organization, structuring, storage, adaptation or alteration, retrieval, consultation, use, disclosure by transmission, dissemination or otherwise making available, alignment or combination, restriction, erasure or destruction.

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026



**STONYHURST**  
INTERNATIONAL SCHOOL  
PENANG

## Polisi Privasi

Nama Polisi:	Polisi Privasi
Tarikh Semakan Polisi:	March 2026
Disemak Oleh:	Pengarah Kemasukan & Pemasaran
Dilulus Oleh:	Perwakilan Undang-undang Lembaga Gabenor
Tarikh Diluluskan:	March 2026
Tarikh Semakan Seterusnya:	April 2027
Oleh Siapa:	Pengarah Kemasukan & Pemasaran
Lokasi (s) di mana Polisi boleh didapati:	Laman Web / Whole School Drive - Polisi

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

## **Kandungan**

1. Pengenalan
2. Terma Penggunaan Laman Sesawang
3. Pengumpulan Data Peribadi
4. Penerangan Data Peribadi
5. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi
6. Sumber Data Peribadi
7. Pendedahan Data Peribadi
8. Keselamatan Data Peribadi
9. Penyimpanan Data dan Penyingkiran Data
10. Pemindahan Data Peribadi
11. Penggunaan Kuki
12. Kewajiban Subjek Data
13. Hak Akses, Hak Pembetulan dan Penarikan Balik Persetujuan
14. Perubahan kepada Polisi Privasi
15. Persetujuan
16. Pertanyaan dan Aduan
17. Terma Penggunaan Laman Sesawang
18. Penggunaan Kuki

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

## I. Pengenalan

Stonyhurst International School Penang (“**Sekolah**”) mengumpul dan memproses data peribadi kakitangan, murid dan keluarga. Polisi Privasi ini menetapkan bagaimana Sekolah mengendalikan sebarang data peribadi yang anda berikan kepada kami selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (“**PDPA**”), peraturan-peraturan dan undang-undang serta keperluan lain yang berkaitan di Malaysia.

Selain daripada persetujuan apabila berkenaan, Sekolah memproses data peribadi apabila pemprosesan tersebut adalah perlu bagi penyediaan pendidikan dan perkhidmatan sekolah, pentadbiran dan operasi Sekolah, pematuhan kepada kewajipan undang-undang dan peraturan, perlindungan serta kebajikan murid, dan kepentingan pendidikan dan pentadbiran Sekolah yang sah.

Sekolah akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat anda dan mengelakkan capaian, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubahsuaian, pelupusan, pemadaman atau penggunaan lain yang tidak dibenarkan atau berlaku secara tidak sengaja.

## 2. Terma Penggunaan Laman Sesawang

Sekolah berhak untuk meminda Terma Penggunaan pada bila-bila masa. Sila semak terma ini dari semasa ke semasa.

Sila ambil perhatian bahawa terma yang dinyatakan adalah untuk laman sesawang ini sahaja. Bagi pautan ke laman sesawang lain, sila rujuk terma & syarat dan/atau polisi privasi di laman sesawang masing-masing.

Walaupun Sekolah mengambil berat untuk memastikan ketepatan kandungan di laman sesawang kami, Sekolah tidak bertanggungjawab terhadap undang-undang dan tidak menjamin bahawa maklumat yang terkandung di laman sesawang ini adalah tepat atau lengkap, atau bahawa maklumat tersebut bebas daripada sebarang kesilapan atau bahawa ketersediaan laman sesawang akan sentiasa tanpa gangguan. Sekolah dengan ini secara nyata menafikan dan mengecualikan semua jaminan, terma atau syarat yang dinyatakan secara nyata atau tersirat yang tidak disebut di sini, setakat pengecualian atau penafian tersebut dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan. Sekolah mengecualikan semua liabiliti kepada mana-mana individu atas sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang kesilapan atau peninggalan, sama ada kesilapan atau peninggalan tersebut berpunca daripada kecuaiian, kemalangan atau sebab lain, namun penafian ini tidak menjejaskan sebarang tuntutan bagi salah nyataan penipuan, kecederaan peribadi atau kematian.

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

### 3. Pengumpulan Data Peribadi

Sekolah mengumpul dan menyimpan data peribadi untuk diproses oleh Sekolah dalam operasi harian bagi menjalankan fungsi Sekolah, dengan tujuan untuk mencapai matlamat yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini.

### 4. Penerangan Data Peribadi

Sekolah memproses data peribadi berkaitan:

- bakal murid, murid semasa dan bekas murid serta ibu bapa atau penjaga mereka
- kakitangan termasuk kakitangan sepenuh masa, kakitangan kontrak, pemohon kerja dan sukarelawan
- pembekal, kontraktor dan penyedia perkhidmatan

Jenis data peribadi yang diproses oleh Sekolah termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- gelaran dan nama
- alamat, nombor telefon, alamat e-mel dan butiran hubungan lain
- nombor kad pengenalan, nombor pasport dan visa
- maklumat kad kredit
- bangsa, agama, kewarganegaraan dan kerakyatan
- maklumat perubatan
- maklumat kehadiran, rekod akademik atau rekod pekerjaan
- gambar dan maklumat atau log capaian, termasuk rakaman CCTV
- sebarang maklumat lain yang anda siarkan, e-mel atau hantar kepada kami melalui cara lain
- bagaimana anda menggunakan laman web dan, jika ada, alamat IP, sistem operasi dan jenis pelayar anda

Data peribadi sensitif hanya akan diproses selaras dengan undang-undang yang berkenaan dan, jika perlu, dengan persetujuan jelas daripada subjek data bagi satu atau lebih tujuan yang ditetapkan.

### 5. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

Sekolah memproses data peribadi yang berkaitan sebagai sebahagian daripada operasi harian untuk menyediakan perkhidmatan yang relevan kepada anda.

- Untuk menyokong pemilihan dan kemasukan murid serta pendidikan murid
- Untuk memantau dan melaporkan kemajuan murid

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

- Untuk menyediakan penjagaan peribadi, perubahan dan sosial yang sesuai kepada murid
- Untuk menilai prestasi Sekolah secara keseluruhan, bersama-sama dengan apa-apa penggunaan lain yang lazimnya dikaitkan dengan penyediaan perkhidmatan di persekitaran sekolah antarabangsa
- Untuk membolehkan operasi Sekolah, termasuk pentadbiran umum, perolehan barangan dan perkhidmatan, penyediaan catering, pengurusan harta dan aset, penyelenggaraan bangunan, keselamatan kampus serta kesihatan dan keselamatan
- Untuk memilih, mengambil dan mengurus kakitangan secara berterusan, termasuk kakitangan sementara dan sukarelawan
- Untuk memenuhi dan mematuhi sebarang keperluan undang-undang, peraturan, audit atau berkaitan keselamatan, termasuk di bawah undang-undang perlindungan data
- Untuk berhubung dengan alumni bagi tujuan rangkaian (networking) dan pemasaran
- Untuk melibatkan diri dalam aktiviti komersial, termasuk pemasaran, insurans dan pengurusan acara
- Sekolah mungkin menggunakan sistem kecerdasan buatan (AI) untuk membantu tugas pentadbiran, meningkatkan keselamatan dan memperbaiki perkhidmatan pendidikan. Apabila sistem kecerdasan buatan (AI) atau sistem automatik digunakan untuk memproses data peribadi, Sekolah akan memastikan langkah perlindungan yang sewajarnya dilaksanakan dan mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang mengendalikan data tersebut tertakluk kepada kewajipan kontrak berkaitan kerahsiaan dan perlindungan data
- Untuk menyokong usaha perlindungan dan keselamatan murid (safeguarding), termasuk pemprosesan dan, jika perlu, pendedahan data peribadi kepada pegawai perlindungan yang dilantik, pihak berkuasa kawal selia, agensi penguatkuasaan undang-undang serta agensi perlindungan kanak-kanak apabila perlu bagi melindungi keselamatan dan kesejahteraan murid
- Sekolah memberi jaminan bahawa data yang dikumpul hanya akan disimpan selama mana yang diperlukan untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas

## 6. Sumber Data Peribadi

Sekolah memperoleh data peribadi anda secara langsung daripada anda melalui sumber-sumber berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- secara bersemuka atau melalui panggilan telefon
- Permohonan Murid Secara Atas Talian (proses kemasukan sebelum penerimaan)
- Pendaftaran Laman Sesawang Alumni

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

- borang komunikasi elektronik lain seperti e-mel, pertanyaan, permohonan dan/atau borang pendaftaran
- kamera CCTV yang terletak di kawasan Sekolah
- kuki

## 7. Pendedahan Data Peribadi

Semua data peribadi yang dikumpul akan dirahsiakan dan digunakan oleh Sekolah serta pihak yang berkaitan dengannya bagi tujuan yang sah dan relevan.

Sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang disediakan, Sekolah mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga, termasuk pihak di luar Malaysia, seperti agensi (termasuk badan kerajaan), penyedia perkhidmatan dan kontraktor yang dilantik untuk menjalankan beberapa fungsi akademik, pastoral, kokurikulum dan pentadbiran kami.

Secara khusus, Sekolah mungkin:

- Menyediakan maklumat kepada mana-mana organisasi dalaman atau persatuan yang diwujudkan untuk tujuan mengekalkan hubungan dengan pelajar atau untuk pentadbiran, pengumpulan dana, pemasaran atau tujuan promosi yang berkaitan dengan sekolah, seperti Alumni. Sekolah akan kekal sebagai pengawal data dan polisi ini akan mengawal penggunaan data tersebut.
- Menggunakan gambar, video atau rakaman audio pelajar dalam penerbitan sekolah, laman sesawang sekolah dan saluran komunikasi rasmi sekolah lain, termasuk ejen pengambilan yang dilantik. Selain tujuan yang dinyatakan di atas, gambar, video atau rakaman audio pelajar tidak akan digunakan dalam kempen publisiti dengan media luar tanpa kebenaran jelas daripada keluarga berkaitan.
- Menyediakan data peribadi, termasuk data peribadi sensitif, kepada kakitangan bagi tujuan perancangan aktiviti dan lawatan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.
- Menyimpan dan menggunakan data peribadi selepas seorang pelajar tamat pengajian untuk menyediakan rujukan, rekod sejarah pendidikan dan perkhidmatan alumni selaras dengan persekitaran sekolah antarabangsa.

## 8. Keselamatan Data Peribadi

Sekolah berjanji untuk:

- (a) melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang sesuai bagi melindungi data peribadi daripada kemusnahan secara tidak sengaja atau menyalahi undang-undang, kehilangan, pengubahan, pendedahan atau capaian yang tidak

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

dibenarkan, terutamanya apabila pemprosesan data melibatkan penghantaran atau penyimpanan pada atau dalam rangkaian, selaras dengan PDPA.

- (b) memastikan bahawa kakitangan kami tidak menyalahgunakan data peribadi anda.
- (c) melaksanakan Surat Aku Janji bersama penyedia perkhidmatan kami dan mana-mana pihak ketiga lain yang berkaitan.
- (d) memaklumkan kepada anda mengenai sebarang capaian tidak sengaja atau tidak dibenarkan terhadap data anda yang boleh menyebabkan kerosakan atau kemudaratan.

Sekiranya data peribadi dikongsi dengan penyedia perkhidmatan atau kontraktor pihak ketiga, perkongsian tersebut akan dihadkan kepada perkara yang perlu sahaja bagi tujuan penyediaan perkhidmatan pendidikan, operasi, perlindungan murid (safeguarding) atau pentadbiran. Semua penyedia perkhidmatan tersebut dikehendaki mematuhi piawaian perlindungan data yang sewajarnya serta kewajipan kerahsiaan melalui perjanjian kontrak.

## 9. Penyimpanan Data & Pemandaman Data

Sekolah memberi jaminan bahawa data yang dikumpul hanya akan disimpan selama mana yang diperlukan untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

Data Peribadi akan disimpan selama tujuh (7) tahun, atau sepanjang anda menjadi pelajar atau alumni.

Jika anda bukan lagi pelajar atau alumni, kami akan memadamkan data peribadi anda secara kekal selepas tempoh penyimpanan berakhir.

## 10. Pemindahan Data Peribadi

Data peribadi mungkin disimpan dalam sistem pangkalan data kami yang mungkin terletak di dalam atau di luar bidang kuasa tempat data itu dikumpul.

Sekolah akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda dilindungi dengan selamat dan selaras dengan Polisi Privasi ini.

Sekiranya data peribadi dipindahkan atau disimpan di luar Malaysia, Sekolah akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan perlindungan yang sesuai dilaksanakan bagi melindungi data peribadi dan memastikan pemprosesan tersebut selaras dengan undang-undang perlindungan data yang berkenaan serta Polisi Privasi ini.

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

## 11. Penggunaan Kuki

Laman sesawang Sekolah menggunakan kuki. Kuki, termasuk kuki pilihan daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga, mungkin tidak mengandungi sebarang maklumat yang boleh mengenal pasti pengguna secara peribadi, namun data peribadi yang disimpan oleh Sekolah mengenai anda boleh dikaitkan dengan maklumat yang disimpan dalam dan diperoleh daripada kuki tersebut.

Kuki digunakan di laman sesawang ini untuk meningkatkan maklumat dan pengalaman yang diberikan kepada anda. Anda boleh menetapkan pelayar anda untuk memaklumkan tentang penerimaan kuki dan menghalang pemasangannya di komputer anda. Menyekat semua kuki akan memberi kesan negatif terhadap kebolegunaan banyak laman sesawang, dan anda mungkin tidak dapat menggunakan semua ciri di laman sesawang kami.

Kuki boleh digunakan untuk tujuan pengiklanan, analisis, peranti, masa log masuk, maklum balas, sesi, keselamatan, tingkah laku, dan lain-lain.

[Untuk maklumat lanjut tentang kuki, sila rujuk <http://www.allaboutcookies.org/>]

## 12. Kewajipan Subjek Data

Adalah perlu untuk Sekolah mengumpul dan menyimpan data peribadi anda bagi melengkapkan proses pendaftaran dan memudahkan sebarang urusan dengan anda. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan anda untuk memberikan data peribadi kepada Sekolah dengan cara yang paling tepat. Jika anda tidak memberikan data peribadi yang lengkap dan tepat, Sekolah tidak akan dapat mencapai tujuan tersebut dan ini akan menjejaskan urusan anda dengan Sekolah.

## 13. Hak Akses, Hak Pembedulan dan Penarikan Balik Persetujuan

Anda mempunyai hak untuk memohon akses dan membetulkan data peribadi anda yang dipegang dan diproses oleh Sekolah. Jika mana-mana data peribadi anda tidak tepat, tidak lengkap atau tidak terkini, anda mempunyai hak untuk memohon pembedulan dan/atau kemas kini data peribadi anda.

Anda juga berhak untuk menghadkan pemprosesan data peribadi anda oleh Sekolah dengan menarik balik persetujuan anda melalui notis bertulis.

Anda boleh mengakses sebahagian besar data peribadi anda yang dipegang oleh Sekolah melalui Sistem Pengurusan Maklumat dalam talian Sekolah.

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

Jika anda ingin:

- (i) memohon akses kepada data peribadi lain;
- (ii) membetulkan atau mengemas kini mana-mana data peribadi anda; atau
- (iii) menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda oleh Sekolah.

Sila hubungi Pegawai Perlindungan Data di [pdpa@stonyhurstpenang.edu.my](mailto:pdpa@stonyhurstpenang.edu.my) dengan butiran data yang ingin anda akses dan sebab permohonan tersebut.

#### **14. Hak Kebolegunaan Data (Data Portability)**

Anda mempunyai hak untuk memohon agar Sekolah memindahkan data peribadi anda, atau data anak anda, kepada pengawal data lain pilihan anda. Hak ini tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan kesesuaian format data. Permohonan untuk kebolegunaan data akan diproses selaras dengan keperluan PDPA Malaysia dan mungkin tertakluk kepada pengesahan serta yuran yang berkenaan. Sekolah akan memastikan sebarang pemindahan data peribadi dilakukan dengan selamat dan mematuhi kewajipan undang-undang.

#### **15. Perubahan kepada Polisi Privasi**

Polisi Privasi ini boleh dipinda dari semasa ke semasa. Kami menasihatkan anda untuk melayari laman web kami secara berkala bagi melihat Polisi Privasi ini.

#### **16. Persetujuan**

Dengan menghantar data peribadi anda di laman web kami, anda memberi persetujuan kepada pemprosesan data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Terma Penggunaan dan Polisi Privasi laman web ini.

Bagi kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun, sila ambil perhatian bahawa persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga sah adalah diperlukan untuk pemprosesan data peribadi.

Anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa.

Versi	4.0
Pindaan Terakhir	March 2026

## 17. Pertanyaan dan Aduan

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau maklum balas berhubung dengan perlindungan data, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data Sekolah.

### **Pegawai Perlindungan Data**

E-mel: [pdpa@stonyhurstpenang.edu.my](mailto:pdpa@stonyhurstpenang.edu.my)

Telefon: +604-287 9800

Alamat: 3, Jalan Seri Tg Pinang, Bandar Tanjung Pinang  
10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang, Malaysia